



16 Jun 2021  
16 June 2021  
P.U. (B) 333

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN  
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## KANUN TANAH NEGARA

## NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 1846/1922 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 24 Mac 1922, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah, 1911, Residen Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Mukim Batu, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 9,870, yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud masjid, yang diselenggarakan oleh Penghulu Mukim Batu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada 24 Jun 2021 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.